



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI HJ. MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMERKASAAN
INDUSTRI BENIH TANAMAN NEGARA
SEMPENA MAHA 2026**

**3 SEPTEMBER 2026 | KHAMIS
HALL A, MAEPS**

(Salutasi akan dikemaskini semasa majlis)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini bagi menyempurnakan **Majlis Perasmian Program Pemerkasaan Industri Benih Tanaman Negara** sempena MAHA 2026.
2. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pertanian atas komitmen dan usaha berterusan dalam memperkukuh industri benih dan bahan tanaman negara. Inisiatif ini amat penting kerana benih merupakan salah satu input asas yang menentukan keberhasilan pengeluaran tanaman dan seterusnya ketahanan sistem agromakanan negara.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Apabila kita melihat kepada keupayaan tempatan, kita wajar berbangga kerana **industri bahan tanaman** negara telah menunjukkan pencapaian yang amat cemerlang. Melalui **Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) yang dirintis oleh Jabatan Pertanian sejak tahun 2010, kita telah berjaya mengawal keberadaan bahan tanaman yang tulen dan berkualiti di dalam negara.**
4. Skim yang dilaksanakan secara sukarela ini telah membuka ruang kepada para pengeluar dan pengusaha nurseri untuk mengesahkan mutu dan ketulenan varieti tanaman mereka. Sepanjang pelaksanaannya, inisiatif ini mencatatkan pencapaian membanggakan **menerusi penyertaan 382 pengusaha nurseri melibatkan 98 varieti tanaman terpilih.**

5. Kejayaan cemerlang ini dibuktikan melalui **pengesahan 138 juta pokok induk (bagi tempoh 2010 hingga 2026) serta 125 juta bahan tanaman (bagi tempoh 2016 hingga 2026)**. Pencapaian ini membuktikan peranan SPBT sebagai benteng awal yang kukuh dalam membina keyakinan petani dan pemain industri terhadap integriti bahan tanaman tempatan.
6. **Pelancaran Buku Manual Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT): Biji Benih Tanaman** pada hari ini akan terus melengkapi kejayaan tersebut sebagai dokumen rujukan standard yang menetapkan keperluan teknikal pengesahan kualiti biji benih sebelum dipasarkan.

Sidang hadirin yang dihormati,

7. Namun begitu, di sebalik kecemerlangan industri bahan tanaman tempatan, kita perlu bersikap jujur dan berpijak di alam nyata **bahawa industri biji benih negara masih lagi bergantung tinggi kepada sumber import.**

8. Kedaulatan makanan tidak akan dapat dicapai sepenuhnya sekiranya kebergantungan ini berterusan. Ketika ini, **hampir 90 peratus keperluan biji benih sayur-sayuran negara masih diimport. Malah, nilai import benih tanaman telah meningkat dengan ketara, daripada sekitar 5 juta dolar Amerika pada tahun 2021 kepada 70 juta dolar Amerika pada tahun 2025.** *(YBM boleh memaklumkan jika berterusan akan menjejaskan keterjaminan makanan)*
9. Justeru, Kerajaan sedang mengambil pendekatan yang menyeluruh. Kita mahu merapatkan jurang ini dengan membina keupayaan industri biji benih tempatan supaya mampu menghasilkan benih yang berdaya saing, inovatif dan memenuhi keperluan negara sepertimana kejayaan yang telah kita capai dalam sektor bahan tanaman.

10. Salah satu tonggak utama usaha ini ialah pengukuhan kerangka perundangan. KPKM kini berada pada fasa akhir dalam penggubalan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman (RUU KBT) di samping melaksanakan pindaan terhadap Akta Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan 2004 (Akta 634) agar setara dengan piawaian antarabangsa.
11. Kerajaan juga akan terus memperkukuh peranan Majlis Benih Negara (MBN) serta memperluas kerjasama di peringkat serantau melalui *ASEAN Seed Council* (ASC) dan persatuan industri seperti *National Seed Association of Malaysia* (NSAM) agar standard industri tempatan mampu bersaing di peringkat global.

Sidang hadirin yang saya kasihi,

12. Kita sedar bahawa kawal selia sahaja tidak mencukupi. Industri tempatan memerlukan sokongan padu untuk meningkatkan **kapasiti, mengadaptasi teknologi dan membangunkan varieti baharu.**
13. Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), **Kerajaan telah memperuntukkan RM5 juta di bawah Program Pemerkasaan Benih Tulen dan Berkualiti** bagi memperkukuh keupayaan pengeluaran benih dan pembiak baka tempatan.
14. Antaranya ialah **Geran Padanan Pembangunan Benih Tanaman Tulen dan Berkualiti** yang menyasarkan sekurang-kurangnya 40 penerima manfaat dalam kalangan pengeluaran benih tempatan sepanjang tempoh RMK-13, dengan kadar maksimum RM50,000 bagi setiap nurseri.

15. Selain itu, **Geran Padanan Pembiakbakaan Tanaman Inklusif** turut diperkenalkan bagi menyokong pembiak baka tempatan, penyelidik institusi dan syarikat inovator dalam menghasilkan varieti baharu yang berdaya hasil tinggi, tahan kemarau dan rintang terhadap serangan perosak.
16. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penyelidik yang menerima Hak Pembiak Baka (di bawah Akta 634), penerima Anugerah SPBT, serta para petani yang telah memperoleh pensijilan myGAP dan myOrganic. Pengiktirafan ini mencerminkan sumbangan penting anda dalam membina ekosistem agromakanan yang berkualiti dan mampan.

17. Akhir kata, saya berharap agar program hari ini menjadi titik tolak perubahan besar landskap industri benih dan bahan tanaman negara. Malaysia perlu mempunyai keupayaan kukuh untuk menghasilkan benih sendiri, memenuhi keperluan domestik dan seterusnya meneroka peluang eksport benih tanaman tropika di rantau ASEAN.
18. Dengan lafaz **Bismillahirrahmannirahim, Siru a'la Barakatillah**, saya dan kita semua dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM PEMERKASAAN INDUSTRI BENIH TANAMAN NEGARA**.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

(775 patah perkataan, 7 minit)